

RUJ. KAMI (OUR REF) :  
RUJ. TUAN (YOUR REF) :

UMP.02.01/10.12/2 JILID 5 ( 3 )

24 Januari 2013

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan  
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar  
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 1 TAHUN 2013 :  
PENYERAGAMAN TINDAKAN GANTI RUGI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI AKADEMIK  
DAN PEMEGANG BIASISWA SLAB/SLAI DAN BIASISWA UMP**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2013 mengenai Penyeragaman Tindakan Ganti Rugi Bagi Pegawai-Pegawai Akademik Dan Pemegang Biasiswa SLAB/SLAI Dan Biasiswa UMP untuk maklumat dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,



**(HARYANI BINTI ABDULLAH)**  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
b.p Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang

s.k : Naib Canselor

## PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 1 TAHUN 2013

---

### PENYERAGAMAN TINDAKAN GANTI RUGI BAGI PEGAWAI – PEGAWAI AKADEMIK DAN PEMEGANG BIASISWA SLAB/SLAI DAN BIASISWA UMP

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Pahang berhubung penyeragaman tindakan ganti rugi bagi pegawai-pegawai akademik dan pemegang Biasiswa UMP dan Biasiswa SLAB/SLAI (KPT) yang ditaja untuk melanjutkan pengajian samada di bawah Biasiswa UMP atau Biasiswa SLAB / SLAI Kementerian Pengajian Tinggi.

#### 2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Berdasarkan surat Kementerian Pengajian Tinggi KPT.B.600-1 Jld.9(10) bertarikh 6 Januari 2009, semua IPTA adalah dipohon untuk memanjangkan garis panduan berkenaan dengan penyeragaman tindakan ganti rugi bagi pensyarah-pensyarah IPTA yang ditaja untuk melanjutkan pengajian.
- 2.2 Penyeragaman ini adalah selaras dengan ketetapan di dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Negara dan Naib-Naib Canselor / Rektor IPTA pada 18 September 2008 yang telah bersetuju agar perbincangan lanjut diadakan antara KPT dan semua IPTA bagi menyeragamkan tindakan ganti rugi bagi pensyarah-pensyarah IPTA yang ditaja untuk melanjutkan pengajian.
- 2.3 Dalam perbincangan lanjutan bersama KPT yang melibatkan pihak pentadbiran IPTA dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah memutuskan dan bersetuju supaya kaedah dan bentuk tindakan ganti rugi diseragamkan selaras dengan amalan perkhidmatan awam sedia ada.

#### 3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Penyeragaman tindakan gantirugi bagi pegawai akademik dan pemegang biasiswa diambil berdasarkan justifikasi berikut:
  - i. Bagi memastikan pelaksanaan program "My Brain 15" iaitu melahirkan 60, 000 PhD menjelang 2023 tercapai .

- ii. Selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan bilangan pensyarah IPTA yang berkecualan Ph.D sehingga 75% menjelang 2020.
- iii. Memastikan komitmen calon-calon yang telah ditaja untuk melanjutkan pengajian sentiasa berada pada tahap yang tinggi.
- iv. Bagi membolehkan IPTA membuat perbandingan antara calon yang gagal setelah terbukti menunjukkan kesungguhan berbanding dengan calon yang gagal kerana tidak menunjukkan kesungguhan serta mempunyai masalah disiplin.
- v. Selain itu ianya juga boleh dijadikan mekanisma bagi membezakan tindakan yang akan dikenakan kepada pegawai-pegawai akademik yang telah dilantik ke jawatan tetap atau pemegang-pemegang biasiswa UMP / biasiswa SLAB / SLAI (KPT) yang akan dilantik ke jawatan akademik di UMP.

#### **4.0 TINDAKAN PENYERAGAMAN TUNTUTAN GANTIRUGI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI AKADEMIK YANG DITAJA UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN**

4.1 Dua istilah digunakan bagi tujuan ini iaitu “gagal” dan “cuai” adalah ditakrifkan seperti berikut;

##### **4.1.1 Kategori Gagal**

- i. Tidak berjaya memperolehi ijazah sepertimana yang telah diperuntukkan di dalam perjanjian antara pelajar dan penaja walaupun setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan telah melalui tempoh pengajian yang diluluskan.

##### **4.1.2 Kategori Cuai**

- i. Telah meninggalkan dan tanpa menunjukkan usaha bersungguh-sungguh atau tidak menumpukan perhatian dalam pengajiannya atau ditamatkan pengajiannya sebelum tamat tempoh atau masih tidak mengemukakan draf tesis selepas tamat tempoh pengajian yang diluluskan oleh penaja atau diberhentikan dari pengajian oleh pihak universiti atas tindakan disiplin.

4.2 Kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan bagi tujuan penyeragaman tindakan ganti rugi bagi **KATEGORI GAGAL**;

##### **4.2.1 Pegawai-Pegawai Akademik (Pensyarah) yang dilantik tetap;**

- i. Diarahkan kembali melapor diri bertugas dan diberi peluang menyambung pengajian secara separuh masa atau lain-lain bentuk

pengajian yang bersesuaian sehingga berjaya mendapatkan Ph.D dalam tempoh 2 tahun tanpa sebarang penajaan dan terikat dengan jadual pengajaran dan pembelajaran di fakulti (jumlah jam mengajar adalah atas budi bicara Dekan Fakulti) ;

- ii. Tempoh kontrak perkhidmatan berkuatkuasa mulai tarikh melaporkan diri;
- iii. Tiada tuntutan gantirugi dikenakan dalam tempoh 2 tahun iaitu semasa beliau sedang mengikuti pengajian Ph.D secara separuh masa atau lain-lain bentuk pengajian yang bersesuaian; dan
- iv. Jika masih gagal selepas tempoh tersebut , tuntutan ganti rugi boleh dikenakan tertakluk kepada ketetapan dan persetujuan di dalam perjanjian cuti belajar yang telah dipersetujui diantara kedua-dua pihak iaitu pihak staf dan pihak Universiti. Walaubagaimanapun, tindakan tuntutan gantirugi yang diambil adalah lebih berbentuk pengajaran dan bukannya hukuman.
- v. Pihak Universiti, dalam keadaan tertentu boleh untuk menimbang bagi membatalkan tuntutan ganti rugi atau mengembalikan semula sejumlah tuntutan gantirugi yang telah dituntut sekiranya staf berjaya mendapatkan PhD selepas daripada tempoh 2 tahun tetapi tidak melebihi 4 tahun.

**4.2.2** Pemegang Biasiswa UMP, Biasiswa SLAB/SLAI (KPT) dan staf lantikan sementara yang akan dilantik ke jawatan akademik di UMP (tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan di jabatan);

- i. Diberi peluang menyambung pengajian secara separuh masa atau lain-lain bentuk pengajian yang bersesuaian sehingga berjaya mendapatkan Ph.D dalam tempoh 2 tahun tanpa sebarang penajaan;
- ii. Tarikh kuatkuasa tempoh kontrak perkhidmatan digantung sehingga beliau berjaya dilantik ke jawatan tetap sama ada sebagai pensyarah atau apa-apa jawatan yang ditawarkan oleh pihak Universiti (tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan di jabatan);
- iii. Tiada tuntutan gantirugi dikenakan dalam tempoh 2 tahun iaitu semasa beliau sedang mengikuti pengajian Ph.D secara separuh masa atau lain-lain bentuk pengajian yang bersesuaian ;dan

- iv. Jika masih gagal selepas tempoh tersebut, tuntutan ganti rugi akan dikenakan tertakluk kepada ketetapan dan persetujuan di dalam perjanjian cuti belajar yang telah dipersetujui di antara kedua-dua pihak iaitu pihak staf dan pihak Universiti.

4.3 Kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan bagi tujuan penyeragaman tindakan ganti rugi bagi **KATEGORI CUAJ**;

4.3.1 Pegawai-Pegawai Akademik (Pensyarah) yang dilantik tetap;

- i. Dikenakan tindakan ganti rugi mengikut perjanjian
- ii. Jika didapati calon yang "cuai" ini boleh dikenakan tindakan tatatertib, maka proses tindakan tatatertib berdasarkan akta dan peraturan yang berkuatkuasa perlu diambil;
- iii. Jika seorang pegawai dikenakan tindakan tatatertib dan dijatuhkan hukuman, tindakan gantirugi seperti di perenggan 4.3.1.i di atas.

4.3.2 Pemegang Biasiswa UMP, Biasiswa SLAB/SLAI (KPT) dan staf lantikan sementara yang akan dilantik ke jawatan akademik di UMP (tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan di jabatan) ;

- i. Dikenakan tindakan gantirugi tertakluk kepada ketetapan dan persetujuan di dalam perjanjian cuti belajar yang telah dipersetujui di antara kedua-dua pihak iaitu pihak staf dan pihak Universiti.

## 5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 01 Januari 2013.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menandatangani tugas,

  
(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)  
PENDAFTAR

Tarikh : 11 Januari 2013

**Edaran kepada:**

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan/Pengarah/Ketua jabatan

**Salinan kepada :**

YH Dato' Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

*NM/UPCB/Pekeliling 2013*